

▼16/04/20-06MEM

CNS5102

U GB 16-04 00148 BB144

AAB

Mahathir-Asean

MAHATHIR JANJI TERUS BANTU LAOS

daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

VIENTIANE, 16 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berjanji untuk terus menyokong dan membantu Laos dalam usaha-usaha pembangunannya kerana Malaysia percaya sebuah negara Laos yang makmur bermakna Asia Tenggara juga makmur.

Perdana Menteri berkata, Asia Tenggara yang makmur merupakan syarat penting untuk keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Pada masa ini, Laos mendapat faedah daripada Program Bantuan Teknikal Malaysia di sini.

Dr Mahathir berkata, bantuan Malaysia kepada Laos dan negara-negara sedang membangun di rantau ini adalah selaras dengan hasrat Malaysia untuk bekerjasama rapat dalam konteks Kerjasama Selatan-Selatan dan serantau.

Banyak yang masih boleh dilakukan untuk memperkukuhkan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua negara. Katanya pada jamuan malam meraikannya oleh rakan sejawatannya dari Laos, Khamtay Siphandone, di sini. -- Lagi.

▼16/04/20-14MST

CNS5103

U GB 16-04 00171 BB145

AAB

Mahathir-Asean 2 (Akhir) Vientiane

Dr Mahathir menyifatkan perjanjian antara bank pusat kedua-dua negara mengenai Perjanjian Peraturan Pembayaran Dua Hala tengah hari tadi sebagai peristiwa penting dalam perkembangan hubungan ekonomi dan promosi perdagangan antara Kuala Lumpur dan Vientiane.

Katanya, BPA telah membuktikannya sebagai mekanisme yang berjaya bagi meningkatkan perdagangan antara negara-negara membangun.

Katanya, beliau yakin bahawa BPA, bersama-sama dengan Perjanjian Jaminan Pelaburan yang ditandatangani pada 1992, akan menyumbang dengan besar kepada hubungan ekonomi antara kedua-dua negara.

Mengenai keanggotaan Laos dalam Asean, Dr Mahathir berkata Malaysia akan menyambut baik penyertaan negara itu ke dalam pertubuhan serantau itu, apabila Laos nanti membuat keputusan untuk menjadi anggota.

Pada masa ini, Laos ialah pemerhati dalam Asean.

Sambil mengulangi yang beliau percaya bahawa Asean akan bertambah kukuh dengan keanggotaan semua negara Asia Tenggara, Perdana Menteri berkata oleh kerana Laos kini telah menjadi pemerhati, laluan adalah cerah baginya untuk melibatkan diri dalam program-program Asean melibatkan kerjasama dalam pelbagai bidang. -- Bernama.

ARES AZ.

▼16/04/20-19MST